

MAC 2022



# cassia

KERJASAMA HORMAT INTEGRITI DINAMISME SEMANGAT



• SAKSAMA BERSAMA •

*Selamat*  
HARI WANITA SEDUNIA

2022



# CORETAN GCEO

## GCEO'S JOTTINGS

Warga FGV sekalian,

Alhamdulillah kita telah mengumumkan keputusan suku ke empat bagi tahun kewangan 2021 di dalam trend harga sawit mentah yang amat memberangsangkan. Walaupun kita menghadapi pelbagai cabaran terutamanya di operasi ladang akibat pandemik COVID-19, banjir dan sebagainya, prestasi Kumpulan FGV meningkat dengan sokongan harga sawit yang amat tinggi.

Untuk keseluruhan tahun 2021, jumlah hasil jualan meningkat 39% kepada RM19.57 bilion berbanding RM14.07 bilion pada tahun 2020.

Keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) meningkat kepada RM1.17 bilion daripada RM146 juta yang dicatatkan tahun sebelumnya. Keputusan ini merupakan rahmat buat kita semua. Saya percaya ianya adalah peluang kedua warga FGV untuk mengukuhkan kembali prestasi syarikat. Oleh itu, janganlah kita mensia-sikan peluang yang dikurniakan Allah SWT dan mengharapkan harga sawit terus tinggi kerana kita semua tahu harga komoditi ada naik turunnya.

Strategi FGV untuk terus maju ke hadapan adalah untuk mengurangkan kebergantungan kepada sektor perladangan. FGV perlu mencipta nama sebagai syarikat agribisnes dan pengeluar makanan di dalam negara dan di peringkat antarabangsa. Sebagai contoh, minyak sawit yang kita hasilkan digunakan untuk membuat pelbagai jenis makanan dan

produk dan rakan kongsi kita seperti IFFCO dan PMG meraih keuntungan berlipat ganda melalui produk pengguna yang dihasilkan.

FGV perlu mempunyai aspirasi untuk berkembang seperti syarikat-syarikat ini. Kita harus sedar apa yang kita lakukan di dalam syarikat ini adalah amat penting bukan sahaja untuk syarikat tetapi untuk pembangunan dan masa depan rakyat Malaysia.

Marilah kita bersama-sama membina reputasi FGV sebagai syarikat pengeluar makanan yang disegani dan dipercayai serta sebuah syarikat yang sentiasa menyokong hasil peneroka dan pekebun kecil di seluruh negara. Ini adalah sesuatu yang perlu kita lakukan sekarang. Kita perlu mengubah pemikiran kita untuk mencapai aspirasi ini demi masa depan kita bersama.

InsyaAllah, saya percaya ini boleh kita lakukan dengan kerjasama semua warga FGV. Saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan penghargaan kepada semua warga FGV yang telah memberikan komitmen kerja masing-masing tidak kira sama ada Tuan/Puan berada di ladang menjaga tanaman, di kilang-kilang menjaga jentera, di belakang stereng lori mahu pun di pejabat-pejabat. Setiap titik peluh lebih 46,000 warga FGV di seluruh dunia adalah insan-insan yang kritikal untuk FGV mencapai kejayaan.

Oleh itu, saya ingin tekankan adalah penting untuk kita laungkan dan kotakan janji PRIDE kita setiap hari untuk terus maju ke hadapan dan berusaha sebagai satu pasukan.

Bersatu kita teguh, bercerai kita roboh.

Sekian, terima kasih.

Mohd Nazrul Izam Mansor  
Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan

## EDITORIAL

PENAUNG  
Mohd Nazrul Izam Mansor

EDITOR  
Dalilah Ibrahim

PENGURUS PROJEK  
Ili Diyana Amiruddin

PEREKA GRAFIK  
Mohd Nazzim Kamsaim



TERBITAN  
Komunikasi Strategik Kumpulan  
FGV Holdings Berhad NO 200701042133  
(800165-P)  
Aras 20, Wisma FGV, Jalan Raja Laut  
50350 Kuala Lumpur, Malaysia

[fgvholdings.com](http://fgvholdings.com)

Petugas Kumpulan FGV dialu-alukan untuk menyumbang artikel kepada CASSIA melalui [groupstrategiccomms@fgvholdings.com](mailto:groupstrategiccomms@fgvholdings.com)

# FGV Catat PATAMI RM1.17 Bilion Pada TK2021

FGV Holdings Berhad (FGV) mencatatkan lonjakan dalam keuntungan selepas cukai dan kepentingan minoriti (PATAMI) sebanyak RM1.17 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021 (TK2021), peningkatan lapan kali ganda daripada RM146 juta yang direkodkan tahun lepas. Pendapatan tahunan meningkat 39% kepada RM19.57 bilion, rekod tertinggi berbanding RM14.07 bilion pada 2020.

Kumpulan mengumumkan pembayaran dividen akhir sebanyak 8.0 sen sesaham, dengan jumlah keseluruhan pembayaran dividen sebanyak RM291.85 juta.

Keuntungan operasi Kumpulan meningkat kepada RM1.79 bilion pada TK2021 berbanding RM603 juta tahun sebelumnya, didorong oleh harga minyak sawit mentah (MSM) yang lebih kukuh dan prestasi yang lebih baik daripada kedua-dua Sektor Gula dan Logistiknya.

Purata harga MSM yang direalisasikan pada TK2021 meningkat sebanyak 37% kepada RM3,671 setiap tan metrik (MT), berbanding RM2,675 setiap MT pada TK2020.

Sementara itu, bagi suku keempat berakhir 31 Disember 2021 (S4 TK2021), FGV mencatatkan peningkatan PATAMI sebanyak RM465 juta, lebih tiga kali ganda daripada RM131 juta yang dicatatkan pada S4 TK2020.

Bagi suku yang ditinjau, pendapatan Kumpulan meningkat 54% tahun ke tahun (y-o-y) kepada RM6.18 bilion, manakala keuntungan operasi meningkat kepada RM633 juta berbanding RM222 juta yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Keuntungan operasi yang lebih tinggi ini terutamanya disebabkan oleh

peningkatan dalam margin produk sawit berikutan harga purata MSM yang lebih tinggi, pengurangan kos MSM ke pintu kilang, dan kadar pengendalian yang lebih baik untuk perniagaan pukal dan pengangkutannya.



Sektor Perladangan FGV, perniagaan utama Kumpulan yang membentuk sebahagian besar portfolio perniagaannya, merekodkan prestasi yang lebih kukuh pada S4 TK2021 dengan jumlah keuntungan operasi sebanyak RM716 juta dengan pendapatan sebanyak RM5.41 bilion sebelum perjanjian pajakan tanah (LLA) dan rosot nilai. Ini merupakan peningkatan ketara sebanyak 87% dan 65% masing-masing berbanding suku yang sama sebelumnya, disumbangkan oleh harga MSM yang lebih tinggi dan volum pengeluaran MSM yang lebih baik. Keuntungan operasi sebelum LLA dan rosot nilai bagi segmen huluan di bawah Sektor Perladangan FGV meningkat kepada RM633 juta bagi suku yang ditinjau, peningkatan dua kali ganda berbanding RM300 juta pada suku yang sama tahun lepas, disokong oleh margin produk sawit yang lebih tinggi yang diperoleh daripada harga purata MSM lebih tinggi iaitu RM4,194 setiap MT pada S4 TK2021 berbanding RM3,059 setiap MT pada S4 TK2020.

Bagi operasi huluan pula, FGV melaporkan sedikit peningkatan sebanyak 1% dalam kedua-dua

pengeluaran tandan buah segar (TBS) dan hasil kepada 1.05 juta MT dan 4.16 MT/Ha masing-masing pada S4 TK2021 berbanding suku yang sama tahun lepas, seiring dengan penambahbaikan hasil daripada pokok kelapa sawit yang matang dan muda.

Pengeluaran MSM Kumpulan meningkat sebanyak 5% tahun ke tahun kepada 0.73 juta MT, manakala kadar pengekstrakan minyak juga meningkat sebanyak 1% tahun ke tahun kepada 21.05% untuk suku yang ditinjau, didorong oleh peningkatan TBS yang diproses dan prestasi kilang yang lebih baik berikutan kawalan proses yang ketat.

Selain itu, FGV juga mencapai faktor penggunaan (UF) yang lebih tinggi sebanyak 69% disokong oleh volum TBS diterima yang lebih tinggi pada S4 TK2021 berbanding 66% pada suku yang sama tahun lepas. Ini telah menyumbang secara positif kepada pengurangan kos MSM ke pintu kilang sebanyak 2% kepada RM1,773 setiap MT disebabkan oleh kos pemprosesan yang lebih rendah.

Sementara itu, FGV menyaksikan Sektor Logistiknya mencatatkan keuntungan operasi yang lebih tinggi iaitu sebanyak RM29 juta pada S4 TK2021, meningkat 38% berbanding RM21 juta pada suku yang sama sebelumnya, disumbangkan oleh volum produk dibawa yang lebih tinggi untuk perniagaan pengangkutannya dan volum produk bernilai tinggi yang lebih tinggi dan kos operasi berubah yang lebih rendah untuk perniagaan pukalnya.

Berita penuh:  
<https://bit.ly/3tdi4vA>

## FGV Sumbang RM100,000 Untuk Yayasan Didik Negara

Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan, Dato' Mohd Hairul Abdul Hamid menyampaikan sumbangan FGV sebanyak RM100,000 kepada Menteri Kanan (Pendidikan) Datuk Dr. Radzi Jidin di Majlis Pelancaran Yayasan Didik Negara pada 18 Februari.

Yayasan Didik Negara (YDN) yang ditubuhkan Julai tahun lalu berfungsi sebagai sebuah pusat sehenti untuk mengembangkan sumbangan dan komitmen daripada pelbagai lapisan masyarakat untuk menyalurkan sumbangan ke arah melestarikan pendidikan berkualiti.



## Lebih Ramai Petani Padi Sertai Program Beras Wangi Fortified Field™ (3FR) FGV



FGV Integrated Farming Holdings Sdn. Bhd. (FGVIF) terus mengukuhkan pasaran beras wangi tempatan dengan perkembangan terkini perniagaan pertanian padinya.

Program Beras Wangi Fortified Field™ (3FR), di bawah Program Sawah Padi

Pintar Berskala Besar (SBB) Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) telah meningkatkan keluasan jelapang padi kepada 625 hektar (ha) bagi musim menuai terkini pada tahun ini, berbanding 577 ha yang diperuntukkan tahun lalu dalam kedua-dua projek Smart SBB di

Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Barat Laut, Selangor dan IADA Seberang Perak, Perak.

Peningkatan hektar kawasan tanaman akan memberi manfaat kepada kira-kira 350 petani kontrak tempatan FGV, peningkatan ketara daripada 265 petani tahun lepas, dan berpotensi menjana pendapatan sebanyak RM1,540 untuk setiap tan metrik (MT) hasil padi.

Sebagai salah satu syarikat makanan dan perniagaan agri terkemuka di Malaysia, FGV sentiasa berusaha untuk menyediakan penyelesaian pertanian pintar dan memodenkan amalan perladangan terbaik. Ini sebahagian usaha memaksimumkan hasil dan pulangan terutamanya untuk para petani di dalam program ini. Oleh itu, FGV amat berbangga dengan kejayaan menjadi perintis projek SMART SBB di kedua-dua IADA melalui 3FR.

Berita penuh:  
<https://bit.ly/3q5R0w1>

## FGV Dan Muslim Care Malaysia Bantu Mangsa Banjir di Pantai Timur



Misi bantuan banjir FGV diteruskan lagi. Kali ini FGV bekerjasama dengan Muslim Care Malaysia, sebuah badan bukan kerajaan menghulurkan bantuan kepada mangsa banjir di daerah Hulu Terengganu, Setiu dan Dungun.

Pasukan sukarelawan FGV yang terdiri daripada petugas-petugas bergotong-royong menyediakan Pek Prihatin FGV yang mengandungi produk makanan keluaran syarikat sebelum mengagihkan pek tersebut kepada mangsa-mangsa. Mereka juga turut meluangkan masa untuk ziarah dan menyampaikan bantuan kepada petugas selain membersihkan sekolah yang terkesan dengan musibah ini.



# TAHNIAH! PEMENANG PERTANDINGAN INOVASI & REKA CIPTA FGV

Sebanyak 21 video penyertaan dari seluruh negara telah dinilai dalam pertandingan yang julung kali diadakan. Semoga program yang ditaja khas oleh Dato' Dzulkifli Abd Wahab, Pengurus FGV, akan menjadi pencetus untuk semua petugas Kumpulan membudayakan inovasi di dalam kehidupan terutamanya di tempat kerja.

#1



Projek: Auto Press Control  
Digester Level (APCDL)  
Zainal Warnoh  
FGV Palm Industries, KS Nitar

Hadiah Utama:  
Wang tunai RM3,000

#2



Projek: Inovasi Line 5 Sanmax  
Production Cooking Oil  
Khamis Mohd Yunos  
Delima Oil Products

Hadiah Kedua:  
Wang tunai RM2,000

#3



Projek: High Value Tropical  
Fruits - PVC Pipe  
Zuhaili Yusof  
FGV Chuping Agro Valley

Hadiah Ketiga:  
Wang tunai RM1,000



## WIRA FGV

## Pentingnya Kerja Berpasukan Demi Kejayaan

Walaupun telah berkhidmat lebih daripada 30 tahun di Kumpulan FGV, Koo Shuang Yen yang merupakan Setiausaha Syarikat untuk FGV dan MSM Malaysia Holdings Berhad tetap bersemangat untuk datang bekerja setiap pagi.

"Setiap pagi saya bangun dan masih teruja untuk melaksanakan tugas-tugas saya. Ini kerana saya amat bersyukur masih dapat berkhidmat di FGV dan sedar bahawa selama ini imbuhan yang diterima dari syarikat telah membantu menyara keluarga saya," ujar Koo yang akan menyambut hari kelahirannya yang ke-60 pada Ogos ini.

Koo memulakan kerjayanya sebagai Ketua Kewangan di Felda Engineering Services Sdn Bhd sebelum berkhidmat di Bahagian Kewangan di ibu pejabat.

Bertukar portfolio sebagai Setiausaha Syarikat sejak tahun 2014, ianya merupakan perubahan yang besar di dalam kerjaya Koo. Cabaran tersebut beliau tangani dengan berfikiran terbuka untuk mempelajari ilmu dan kemahiran yang baru.

"Selain daripada menyertai kursus-kursus anjuran Bursa Malaysia, saya banyak dibantu oleh pasukan saya di dalam melaksanakan tugas-tugas sebagai Setiausaha Syarikat. Banyak yang telah saya pelajari terutamanya tentang Kehendak-kehendak Penyenaraian, Akta Syarikat, tadbir urus korporat dan amalan terbaik untuk sebuah syarikat yang disenaraikan."



"Jangan malu untuk bertanya kerana sikap demikian hanya akan merugikan diri sendiri. Di dalam sebuah syarikat, tidak mungkin kita boleh bekerja sendiri atau tahu semua perkara. Kita perlukan rakan sepasukan untuk melaksanakan tugas-tugas kita bersama-sama dan mencabar kita untuk melakukannya dengan baik," tegasnya.

Ujarnya bahawa untuk seorang ketua perlu mempunyai empati iaitu kebolehan untuk memahami perasaan orang lain dan bersimpati bagi mendapat sokongan daripada petugas-petugas di bawah seliaannya. Sebagai contoh, ketua tersebut perlu mengambil tahu kekuatan dan kelemahan mereka dan apa yang mendorong mereka untuk melaksanakan kerja-kerja mereka dengan baik.

Koo turut berkongsi tips untuk melaksanakan tugas dengan sempurna, buatlah senarai perkara-perkara yang perlu dibuat setiap pagi dan memastikan segala tugas diselesaikan mengikut keutamaan

dan emel yang diterima dibalas dengan segera.

"Saya sentiasa mengingatkan diri saya, jika saya berlengah, saya juga akan melengahkan kerja orang lain dan saya amat menitikberatkan tentang hal ini."

"Setiap kerja mempunyai tempoh masa yang perlu disudahkan dan kita harus memberi keutamaan kepada kerja-kerja yang perlu diselesaikan segera. Oleh itu saya akan sampai ke pejabat seawal satu jam atau lebih untuk mengaturkan hari saya agar lebih produktif," tambahnya lagi.

"Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Wanita Sedunia kepada semua petugas wanita di dalam Kumpulan FGV. Sabagai wanita, kita perlu lebih berdaya saing dan membuktikan bahawa kita sememangnya memberi sumbangan berharga untuk syarikat," kata Koo menitipkan pesanannya.



# Kesaksamaan Gender Hari Ini Untuk Esok Yang Mampan



"Kesaksamaan gender hari ini untuk esok yang mampan", bukan sahaja tema Hari Wanita Antarabangsa tahun ini, tetapi yang lebih penting, ia juga merupakan unjuran tentang apa yang perlu direalisasikan untuk memastikan masa depan yang lebih baik dan mampan bagi semua. Menurut Wanita PBB, wanita dan kanak-kanak perempuan kebiasaannya lebih terdedah kepada kesan pemanasan global kerana mata pencarian mereka banyak bergantung kepada sumber semula jadi yang terjejas oleh perubahan iklim. Ketidaksamaan yang sedia ada dihadapi oleh wanita dan kanak-kanak perempuan akibat norma sosial yang berakar umbi dan diskriminasi sistemik menyebabkan mereka kurang mampu menyesuaikan diri dengan kesan perubahan iklim.

Sebagai sebuah syarikat yang bertanggungjawab, FGV sekali lagi

menegaskan toleransi sifarnya terhadap sebarang bentuk ketidaksamaan dan diskriminasi dalam amalan perniagaannya, termasuk berdasarkan jantina selaras dengan Matlamat 5 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) mengenai Kesaksamaan Gender serta Dasar Kelestarian Kumpulan FGV (GSP). Melalui Jawatankuasa Kesaksamaan Gender dan Pemerksaan Wanita yang ditubuhkan pada 2021, FGV sedang mempergiatkan usaha untuk melebihkan lagi hak wanita di tempat kerja.

FGV juga merupakan syarikat makanan dan pertanian pertama di Malaysia yang memformalkan komitmennya untuk menjadi perniagaan sifar bersih pelepasan menjelang 2050 dengan menandatangani Ambisi Perniagaan Inisiatif Sasaran Berasaskan Sains (SBTi) yang disokong Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu untuk ikrar 1.5

Celsius, yang menghadkan pemanasan global kepada 1.5 Celsius. Selaras dengan itu, FGV telah membangunkan pelan tindakan iklim bersepada berdasarkan enam faktor strategik utama termasuk tadbir urus iklim dan pengurusan risiko, pengurusan karbon, kecekapan operasi, pengurusan sisa, pengurusan air serta kesedaran iklim sebagai sebahagian daripada komitmennya terhadap kelestarian.

Kesaksamaan gender dan pemerksaan wanita adalah perlu untuk merealisasikan hak wanita. Kesedaran sedemikian juga akan mewujudkan persekitaran yang membolehkan wanita mengambil bahagian dalam pelbagai usaha termasuk tindakan iklim dengan lebih bermakna. Marilah kita semua menegakkan kesaksamaan jantina dan menjadi sebahagian daripada tindakan untuk perubahan!

- Bahagian Kelestarian Kumpulan

## APA KATA MEREKA

### Peranan Wanita Di Dalam FGV

Di FGV seperti yang kita lihat, wanita merupakan orang yang penting dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab seperti memegang jawatan tinggi dan lain-lain. Tiada diskriminasi jantina yang diperlakukan di sini. Ini kerana kita menilai seseorang dari potensi, keupayaan dan kecekapan dan bukanlah menilai seseorang hanya kerana mereka bergelar 'Wanita'. *Kudos to all women out there! Tolak persepsi negatif terhadap wanita.*

**Munirah Omar**  
*Group Human Capital, FGV Holdings*



Idea dan tenaga daripada wanita FGV dapat dilihat di dalam setiap bidang perniagaan FGV walaupun bidang tersebut didominasi lelaki. Dari peringkat operasi, logistik, korporat mahupun pengurusan, wanita FGV membuktikan tiada bidang yang sukar dikuasai. Wanita hari ini tidak lagi hanya memasang impian kosong, tetapi meletakkan impian bersama-sama dengan usaha, kudrat dan kreativiti. '*Dream high dream big, if you fall you still flying.*'

**Nur Alyani Badrol Hisham**  
*Transformation Management Office, FGV Holdings*

Saya amat berbangga kerana mencuba bidang yang kebiasaannya dipelopori oleh kaum lelaki iaitu keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. Kami sebagai wanita menjadi tonggak dan tulang belakang dalam mengendalikan operasi sehari-hari selain menyelaras sistem dokumentasi dan komunikasi. Bukan itu sahaja, di tempat kerja saya, kami memberikan keceriaan dan motivasi kepada pekerja-pekerja di sini.

**Nurnajwa Izzati Inche Ali @ Muhammad Ali**  
*Health, Safety & Environment, MSM Prai*



Peranan wanita memang penting bukan sahaja aktif dalam mengurus rumah tangga dan tugas-tugas domestik, tetapi juga melakukan pekerjaan di luar rumah. Hampir 50 peratus penduduk Malaysia terdiri daripada kaum wanita yang memonopoli kejayaan dalam pelbagai bidang. Di sini saya dapat bekerjasama dengan harmoni dan diberi peluang menyumbangkan kemahiran dan pengalaman saya tanpa prejudis.

**Nurul Azwa Abu Bakar**  
*FGV Integrated Farming*



## COVID-19 Beri Kesan Kepada Ekonomi Global Dan Kelestarian Jangka Panjang Industri Sawit

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Hajah Zuraida Kamaruddin melawat tapak pameran FGV di Persidangan dan Pameran Tinjauan Harga Minyak Sawit dan Laurik ke-33 (POC 2022) di Hotel Shangri La, Kuala Lumpur pada 8 Mac. POC 2022 adalah salah satu acara tinjauan harga minyak sawit global terbesar dan paling diraikan. Ia memudahkan proses pertukaran idea dan membolehkan peserta berkongsi penilaian yang akan mempengaruhi tinjauan harga di pasaran sawit dan minyak laurik.



## Aktiviti Zumba Eratkan Keluarga MSM Prai

Walaupun masih dalam pandemik, dengan mengekalkan amalan SOP yang ketat, petugas MSM Prai mempunyai aktiviti riadah yang dilakukan bersama. Aktiviti zumba diadakan di kalangan petugas-petugas MSM Prai bukan hanya tertumpu untuk kaum wanita sahaja malah petugas lelaki juga turut serta. Dengan cara ini, aktiviti ini menjadikan badan sihat malah dapat juga mengerakkan silaturrahim antara petugas di sini tida kira pangkat dan usia.

## Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia Di Johor Bahru

Negeri Johor menjadi lokasi pertama Program Jelajah Aspirasi Keluarga Malaysia, susulan sambutan gemilang acara 100 Hari Keluarga Malaysia yang diadakan di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC) sebelum ini.

Program ini berlangsung selama tiga hari bermula 3 hingga 5 Mac di Dataran Angsana Johor Bahru dari jam 9 pagi sehingga 8 malam. Pelbagai aktiviti menarik seperti pameran dan perkhidmatan kerajaan disediakan secara langsung kepada Keluarga Malaysia. FGV juga tidak ketinggalan dengan mempromosikan servis umrah dan produk-produk keluaran FGV.

Lokasi jelajah seterusnya adalah Kompleks Sukan Negeri Tuanku Syed Putra, Perlis pada 25 - 27 Mac.

Jom turun, geng Perlis!

## Sambal Tempe Meletop!

### Bahan-Bahan


20 biji cili api  
 1 biji bawang besar  
 1 sudu besar gula Prai  
 1 sudu kecil garam Gunung Saji  
 2 sudu besar minyak masak Adela  
 Ikan bilis  
 Tempe  
 Marjerin Seri Pelangi  
 Serbuk kunyit

### Cara penyediaan:

1. Goreng ikan bilis dan ketepikan
2. Masukkan sedikit marjerin Adela untuk menggoreng tempe dan angkat
3. Tumbuk kasar bawang besar, cili api dan tempe yang telah digoreng
4. Tumiskan bahan-bahan yang ditumbuk sehingga garing dan masak
5. Masukkan sedikit serbuk kunyit untuk menaikkan warna masakan
6. Perasakan dengan garam Gunung Saji
7. Sejukkan sebentar, kemudian masukkan ikan bilis yang telah digoreng dan siap untuk dihidangkan.

Sambal yang rangup dan kering dicampur dengan tempe dan ikan bilis, sangat sedap untuk dibuat lauk ataupun kudapan. Menu segera ini boleh disediakan untuk seisi keluarga lebih-lebih lagi untuk Ramadan yang bakal menjelang.

Selamat mencuba!



## NANTIKAN KEMUNCULAN BUKU RECIPES ARE FOR SHARING


Buku kompilasi resipi masakan ringkas ini adalah masakan setiap hari yang biasa disediakan rakyat Malaysia terutamanya daripada masyarakat Melayu, Cina dan India.

Buku tajaan FGV ini juga mengetengahkan resipi dari etnik Bugis, Jawa, Minang dan Nyonya dan dikumpulkan oleh Datin Kalsom Taib bersama Ungku Balkis Ungku Abdul Hamid dan Ungku Marhamah Shereen Ungku Abdul Hamid.

# Senarai Pemenang Peraduan Mengimarahkan

# Jawi

SAGUHATI




Rosnah Bilin  
FGV Palm Industries

1. ايف . بي . وي
2. کلستارین
3. تغكيليه
4. بروافن ماتاهااري
5. فهوليهارامن
6. فروبهن اقليم

SAGUHATI

Rosmah Abdullah  
FGV Palm Industries

1



Nuratikah Ismail  
FGV Holdings


2

مشه العظيم مدح علی

Shahril Nizam Mohd Ali  
FGV Agri Services

1. اف کی فی
2. کلستارین
3. تغكيليه
4. بروافن ماتاهااري
5. فهوليهارامن
6. فروبهن اقليم

3



Harris Azis  
FGV Trading

Pemenang pertandingan akan dihubungi oleh Jabatan Komunikasi Strategik Kumpulan

# 10

## Kuiz Wanita Hebat Malaysia Yang Terkenal Di Persada Antarabangsa

**10 peserta dengan jawapan yang tepat dan terpantas akan memenangi hadiah-hadiah menarik sempena Hari Wanita Sedunia 2022.**

1. Penerima Anugerah Pencapaian Sepanjang Hayat Pembangunan Sumber Manusia (HRD) Asia 2019 sebagai seorang tokoh yang menjadi sumber inspirasi kepada golongan wanita, termasuk sebagai salah seorang doktor wanita Melayu pertama di negara ini.
2. Pernah dipilih sebagai Ketua Bank Pusat Terbaik Dunia oleh majalah Global Finance kerana kejayaan beliau dalam mengawal inflasi, sasaran pertumbuhan ekonomi, kestabilan mata wang dan pengurusan kadar faedah.
3. Pengasas MERCY Malaysia dan merupakan warganegara Malaysia pertama dinobatkan sebagai pemenang bagi ASEAN Prize 2019.
4. Senator wanita pertama di Malaysia.
5. Mendapat jolokan nama 'Suara Asia' dan 'Celine Dion Asia'.
6. Pernah bergandingan dengan Jackie Chan dalam pengambaran seni mempertahankan diri pada tahun 1984.
7. Pakar astrofizik wanita pertama Malaysia.
8. Wanita Asia pertama yang menduduki tangga pertama dunia dalam sukan skuasy wanita.
9. Antara 10 doktor pakar pelatih surgikal terbaik United Kingdom (UK).
10. Wanita pertama yang menjelajah dunia dengan motosikal.

Sila hantarkan jawapan anda ke [groupstrategiccomms@fgvholdings.com](mailto:groupstrategiccomms@fgvholdings.com) sebelum 31 Mac 2022

